

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.10.2015**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil untuk selamatkan 1MDB.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 18 Februari 2015, 1MDB telah mengumumkan hasil kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) syarikat tersebut. Pelan Rasionalisasi ini menggariskan strategi dan langkah-langkah yang akan diambil oleh 1MDB untuk membayar balik hutang syarikat.

Antara pencapaian yang telah dicapai oleh 1MDB setelah Pelan Rasionalisasi dibentangkan adalah seperti berikut:

- i. Pembayaran semula hutang sebanyak AS\$975 juta dan *debt for asset swap*, (dengan izin) dengan IPIC di mana pelaksanaan *binding term sheet*, (dengan izin) dengan IPIC dijangka akan mengurangkan hutang IMDB sebanyak RM 16 bilion;
- ii. Lebih RM1 bilion nilai tanah pembangunan di TRX telah dijual;
- iii. Tawaran bidaan terakhir daripada pembida tempatan dan antarabangsa bagi Edra Energy dan Bandar Malaysia akan diterima pada akhir bulan Oktober 2015 di mana Perjanjian Jual Beli (SPA) bagi kedua-dua aset tersebut dijangka akan dilaksanakan pada bulan Disember 2015;
- iv. Tanah di Pulau Indah, Selangor sedang dalam proses penjualan; dan
- v. 1MDB sentiasa memenuhi komitmen pembayaran balik prinsipal dan faedah pinjaman dengan konsisten.

**SOALAN ( 31 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BIN ABDUL SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BIN ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**  
minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah lesen perniagaan/penjaja yang dikeluarkan kepada warga asing dan apakah tindakan penguatkuasaan yang diambil sekiranya didapati warga asing bermiaga/menjaja tanpa lesen yang sah.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak dibenarkan untuk mengeluarkan lesen perniagaan/penjaja kepada warga asing. PBT tertakluk kepada Pekeliling KSU-KPKT Bil. 3/2008 pada 30 Jun 2008 mengenai Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh PBT yang menyatakan bahawa permit perniagaan kecil hendaklah **dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja** dan pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga sepanjang masa. **Tindakan membatalkan permit mesti diambil ke atas warganegara Malaysia yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing.**